

SOALAN NO: 17

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]
TARIKH : 7 OKTOBER 2014
SOALAN :

YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian sedar atau tidak bahawa terdapat kekurangan doktor pakar jantung (Heart Specialist) dan peralatan kardiologi di negeri Sabah berbanding dengan negeri Sarawak dan kalau sedar, apakah langkah-langkah Kementerian untuk menangani masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 Jun 2014, terdapat seramai 56 orang Pegawai Perubatan Pakar dalam bidang kardiologi dan kardiotorasik yang sedang berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Daripada jumlah tersebut, seramai empat (4) orang Pegawai Perubatan Pakar dalam bidang kardiologi dan kardiotorasik sedang berkhidmat di negeri Sabah. Manakala, bilangan Pegawai Perubatan Pakar dalam bidang kardiologi dan kardiotorasik yang sedang berkhidmat di negeri Sarawak adalah seramai 10 orang.

Pelbagai langkah telah diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah kekurangan Pakar Jantung di Sabah antara lain melalui :

- i. Liputan Pakar Jantung secara bergilir dari Hospital Pulau Pinang, Pusat Jantung Hospital Umum, Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru ke Hospital Queen Elizabeth sejak awal tahun 2014;
- ii. Pakar Perubatan Dalaman yang sedang menjalani latihan sub-kepakaran di Hospital Serdang, Hospital Pulau Pinang dan Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru akan menjalani latihan sangkutan secara bergilir di Hospital Queen Elizabeth bagi tempoh 3-4 bulan mulai tahun 2015; dan
- iii. Memberi keutamaan kepada Pakar Perubatan Dalaman yang memohon Program Sub-kepakaran bidang Kardiologi dan bersedia berkhidmat di Sabah.

Kementerian Kesihatan telah memulakan perkhidmatan Kardiologi dengan menempatkan residen Pakar Kardiologi di Hospital Queen Elizabeth II, Sabah pada tahun 2010. Sebelum perkhidmatan ini disediakan di Hospital Queen Elizabeth II, rakyat Sabah menerima perkhidmatan yang disediakan oleh Institut Jantung Negara dengan menggunakan fasiliti Pusat Perubatan Sabah.

Jumlah perbelanjaan bagi penubuhan satu unit Kardiologi adalah RM11 juta iaitu RM2.5 juta bagi belanja mengurus dan RM8.5 juta bagi perolehan aset perubatan. Keperluan peralatan tersebut telah pun disediakan di Hospital Queen Elizabeth II. Kementerian Kesihatan akan sentiasa mempertingkatkan mutu Perkhidmatan Kardiologi di seluruh Malaysia termasuklah kepada rakyat Sabah dan Sarawak. Bagi tahun 2014, Kementerian Kesihatan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM 251,000 bagi pembelian peralatan tambahan berkaitan.